**NO SOALAN : 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [ RANAU ]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**<u>SOALAN NO. 19</u>**

minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan Persekutuan telah mengambil kira pandangan dari pihak Kerajaan negeri Sabah, keperluan, keutamaan dan isu-isu pembangunan di Sabah dalam menyediakan Rancangan Malaysia ke-12 (2021-2025).

**<u>JAWAPAN</u>**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penyediaan Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) yang merangkumi tempoh 2021-2025 akan digubal untuk menjamin pembangunan sosio-ekonomi yang mampan dan saksama. Penyediaan RMKe-12 ini antara lain, meliputi aspek pembangunan wilayah yang seimbang supaya pertumbuhan ekonomi tidak hanya tertumpu kepada sesuatu wilayah atau negeri sahaja. Ini adalah selari dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama iaitu:

a. Merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan, kaum dan wilayah bagi membawa bersama rakyat yang ketinggalan supaya terbela dan diperkasa untuk menangani ketidaksamaan;

b. Membangunkan sebuah ekonomi yang terstruktur semula, dengan memastikan ekonomi ini dapat berkembang secara progresif melalui penumpuan kepada ekonomi yang bernilai tinggi; serta

c. Membina Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

Justeru itu, Kementerian ini telah mengambil satu inisiatif mengadakan Sesi Libat Urus Penyediaan RMKe-12 bersama Kerajaan Negeri termasuk Sabah yang telah dilaksanakan 26 Julai 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam sesi libat urus tersebut, pandangan daripada Kerajaan Negeri Sabah, keperluan, keutamaan dan isu-isu pembangunan di Sabah diambilkira dalam mendasari penyediaan RMKe-12 ini dan antaranya adalah meliputi sektor pelancongan, pengurusan persekitaran termasuk sumber asli daratan dan laut, pertanian dan perindustrian.

Kerajaan Persekutuan menerusi MEA mengambil maklum akan keperluan negeri Sabah ini dan akan meneliti semula keperluan tersebut dalam memberi keutamaan pelaksanaan projek dan kedudukan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.